

SULIT

Telegram: "CHIEFMIN KOTA KINABALU"

BIL. ~~000~~JKM(S):500-0/12(106)

Tolong sebutkan rujukan fail kami
dalam jawapan surat ini
(Please quote our file reference
in your reply to this letter)



JABATAN KETUA MENTERI
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)
Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

13 AUG 2004

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

Datuk/tuan,

**PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN DILARANG MELIBATKAN DIRI
DALAM POLITIK**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sejak akhir-akhir ini berbagai rungutan dan aduan telah diterima berhubung dengan penglibatan Pegawai dan Kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri dalam bidang politik. Perbuatan mereka melibatkan diri dalam kegiatan politik ini adalah bertentangan dengan Perkara 19(1) Bahagian D PANS 1982.

3. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah membuat keputusan seperti berikut:-

- 3.1. Mereka yang telah melibatkan diri dalam politik diberi tempoh tiga (3) bulan mulai **15 Ogos 2004 hingga 14 November 2004** untuk meletakkan jawatan dalam parti politik sekiranya mereka menyandang sebarang jawatan dalam mana-mana parti politik, atau;
- 3.2. Mereka hendaklah meletakkan jawatan dalam perkhidmatan awam atau memohon bersara awal untuk membolehkan mereka terus menyandang jawatan dalam mana-mana parti politik.

4. Penglibatan dalam politik bermaksud, sama ada menjadi penyokong Parti Memerintah atau Parti Pembangkang dan membuat kegiatan diantaranya seperti berikut:-

- 4.1. memakai mana-mana lambang sesuatu parti politik;
- 4.2. membuat pernyataan kepada orang ramai sama ada secara lisan atau bertulis yang menyebelahi mana-mana parti politik;
- 4.3. menulis surat atau memberikan penerangan kepada akhbar tentang perkara yang menjadi pertikalan antara parti-parti politik;

21
SULIT

SULIT


-2-

Rujukan JKM(S): 500-0/12()

- 4.4. menerbit atau mengedar buku, majalah atau risalah yang mengandungi tandatangannya jika pandangannya itu menyebelahi mana-mana parti politik.
 - 4.5. mengambil bahagian dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon bagi sesuatu pilihan bagi apa-apa jawatan dalam sesuatu parti politik.
 - 4.6. bertindak sebagai seorang agen pilihanraya atau agen mengundi atau bertindak dalam apa-apa peranan untuk atau bagi pihak seseorang calon dalam sesuatu pilihanraya bagi Dewan Undangan Negeri atau Dewan Rakyat.
5. Semua Ketua-Ketua Jabatan dikehendaki memantau dan mengambil tindakan seperti dipara 3.1. dan 3.2 Surat Pekeliling ini, terhadap pegawai dan kakitangan dibawah jagaan masing-masing yang mana didapati terlibat didalam politik.
6. Kegagalan mana-mana Pegawai dan Kakitangan untuk mematuhi arahan dalam pekeliling ini menyebabkan mereka akan diambil tindakan berdasar Bahagian D Perintah Am Negeri Sabah 1982.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'



[K.Y. MUSTAFA]
Setiausaha Kerajaan Negeri

SULIT